



## SIARAN MEDIA

---

### MEMPERKUKUHKAN KESIAPSIAGAAN PENJAWAT AWAM DALAM MENDEPANI JENAYAH PENIPUAN KEWANGAN

**PUTRAJAYA, 7 Disember 2023** – Dalam usaha menghadapi peningkatan jenayah penipuan kewangan dan *scam* yang semakin berleluasa, CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama CelcomDigi Berhad, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS), disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) hari ini meneruskan siri penjelajahan kesedaran awam mengenai penipuan kewangan dan *scam* di Putrajaya. Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 – Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya ini merupakan edisi terakhir sekali gus menutup tirai siri penjelajahan 2023 yang bermula pada awal tahun ini.

Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 peringkat Putrajaya ini diadakan khusus untuk penjawat awam bagi memupuk kesedaran, memperkasa dan memperkukuhkan kesiapsiagaan mereka dalam mendepani ancaman *scam* dan jenayah siber. Para penjawat awam diberi pendedahan kepada lanskap keselamatan siber semasa, modus operandi (MO) terkini pelbagai jenis ancaman *scam*, tips dan amalan terbaik bagi mengelak dari menjadi mangsa *scam*.

“Ancaman ini tidak hanya merugikan individu, tetapi turut memberi risiko terhadap kestabilan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat secara amnya. Maka, isu ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak termasuk penjawat awam. Program kesedaran mengenai jenayah *scam* perlu diteruskan secara konsisten agar informasi dapat disalurkan kepada masyarakat, termasuk penjawat awam. Melalui program ini, orang ramai boleh mempelajari kaedah melindungi diri daripada menjadi mangsa *scam* selain dapat mengamalkan sikap kawal sendiri apabila berhadapan dengan ancaman *scam*” kata Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara).

Pada bulan Januari sehingga November 2023, Pusat Tindakbalas Insiden Siber Cyber999 di bawah pengurusan CyberSecurity Malaysia menerima sebanyak 5,480 insiden keselamatan siber, di mana penipuan dalam talian (*fraud*) kekal di tangga teratas dengan jumlah insiden yang dilaporkan sebanyak 3,447. Pada tahun 2022, sebanyak 4,741 insiden berkaitan *fraud* telah dilaporkan ke Cyber999.

Manakala, statistik daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman pula merekodkan kes jenayah dalam talian meningkat sebanyak 37% bagi tempoh Januari hingga November 2023 berbanding 2022 dari 23,608 kepada 32,366 kes dengan nilai kerugian sebanyak RM1.13 bilion, meningkat 46% berbanding tahun 2022.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi Berhad, Datuk Idham Nawawi, “Sebagai penyedia perkhidmatan digital, CelcomDigi memahami kepentingan menyediakan persekitaran internet yang kondusif dan selamat untuk semua di samping menyemai kemahiran penggunaan internet yang bertanggungjawab, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membina masyarakat Siber Madani. Kami menekankan prinsip A.C.T (BERTINDAK) iaitu memupuk Kesedaran (*Awareness*), meningkatkan tahap Pematuhan (*Compliance*) dalam organisasi dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan, serta mengoptimumkan penggunaan Teknologi (*Technology*) dalam memerangi ancaman *scam*. Kami percaya bahawa inisiatif secara kolektif ini dapat memberikan impak yang besar dalam memerangi scam secara berkesan.”

Dianggarkan seramai 1,000 penjawat awam telah hadir pada sesi dialog dan forum anti-*scam* ini. Program yang diilhamkan oleh GBAS ini dianggotai oleh agensi kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO), antaranya Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), Yayasan Digital Malaysia. Program ini juga mendapat kerjasama daripada Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) serta Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP).

Majlis Perasmian Penutup Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof. Turut hadir pada majlis yang sama ialah Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil; Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dato’ Seri Zuki Ali; bersama-sama Pengerusi Lembaga Pengarah CyberSecurity Malaysia Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji

Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara); Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia Dato' Ts. Dr Haji Amirudin Abdul Wahab; Ketua Pegawai Hal Ehwal Korporat, CelcomDigi Berhad Joachim Rajaram.

Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 bermula di Selangor/Kuala Lumpur (18 Februari 2023), Perlis (20 Mei 2023), Sarawak (2 & 3 September 2023), Sabah (28 & 29 Oktober 2023), dan Kelantan (14 dan 15 November 2023).

---

**Dikeluarkan bersama oleh:**

**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia**

**Jabatan Komunikasi, CelcomDigi**